

02 MAY 1997

LEAD MB-Hassan

ABU HASSAN MB SELANGOR YANG BARU

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Datuk Abu Hassan Omar hari ini dinamakan sebagai Menteri Besar Selangor yang baru dalam satu pengumuman yang mempromosikan dan jarang berlaku dalam sejarah politik negara.

Memeranjat kerana beliau bukan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk membolehkannya menjadi Menteri Besar dan disebabkan faktor ini, namanya tidak pernah disebut-sebut dalam spekulasi media mengenai calon jawatan itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengumumkan pemilihan Abu Hassan di sini berkata, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu telah meletakkan jawatan dalam Kabinet dan sebagai Anggota Parlimen kawasan Kuala Selangor.

Beliau berkata Abu Hassan, 56, akan bertanding merebut kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang yang dikosongkan hari ini oleh penyandangannya Datuk Jamaluddin Adnan, dalam pilihan raya kecil yang akan diadakan tidak lama lagi.

Jamaluddin pula akan bertanding merebut kerusi Parlimen Kuala Selangor yang dikosongkan oleh Abu Hassan.

Abu Hassan merupakan hanya menteri Kabinet Persekutuan yang kedua yang meletakkan jawatan kerana dipilih mengetuai kerajaan negeri.

Pada 1981, Datuk (sekarang Tan Sri) Abdul Taib Mahmud melepaskan jawatan Kabinetnya dan bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri sebelum dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak.

Abu Hassan akan menggantikan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang meletakkan jawatan pada 14 April lepas ekoran menghadapi dua tuduhan di Australia kerana didakwa gagal mengisytiharkan wang tunai yang nilainya bersamam RM2.4 juta yang dibawanya semasa hendak keluar dari Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Dis lepas.

Anwar yang membuat pengumuman itu dalam persidangan berita di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri selepas menghadap Sultan Selangor di Istana Green Lodge di Shah Alam, berkata pemilihan Abu Hassan telah mendapat perkenan Sultan Selangor.

Menurut Anwar, Perdana Menteri telah memaklumkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor supaya pentadbiran negeri Selangor berjalan seperti biasa semasa ketiadaan Menteri Besar sebelum Abu Hassan dilantik ke jawatan itu sementara pilihan raya kecil itu diadakan.

Sultan Selangor memberitahu pemberita selepas pertemuannya dengan Anwar bahawa baginda lega isu pelantikan Menteri Besar yang baru sudah selesai.

Baginda, yang enggan menyebut nama Abu Hassan kepada pemberita, berkata baginda yakin bakal Menteri Besar itu seorang yang bersih.

Baginda mahu Menteri Besar itu berkhidmat dengan jujur serta mengutamakan kepentingan rakyat dan bukan kepentingan peribadi.

"Tetapi yang penting sekali bagi Menteri Besar ialah jangan berbohong," kata baginda.

Abu Hassan juga mengucapkan terima kasih kepada Sultan Selangor dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk menerajui Selangor.

Katanya kepercayaan pucuk pimpinan kepadanya merupakan suatu penghargaan yang sangat tinggi.

"Saya menerima jawatan ini sebagai satu tanggungjawab besar yang perlu dipikul kerana perkembangan di Selangor begitu penting memandangkan banyak projek besar sedang dilaksanakan," katanya kepada Bernama ketika ditemui di

kediamannya di Taman Tun Abdul Razak di Ampang Jaya di sini petang ini.

Antara projek yang sedang dilaksanakan di negeri itu ialah Koridor Raya Multimedia dan Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Beliau berkata perkara penting pertama yang harus dilaksanakannya ialah menentukan kemenangannya pada pilihan raya kecil Permatang.

Beliau meminta semua komponen Barisan Nasional dari seluruh peringkat supaya menggerakkan seluruh jentera parti untuk pilihan raya kecil itu.

Pemilihan Abu Hassan, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, disambut baik oleh para pemimpin kerajaan dan pembangkang walaupun beberapa pemimpin Umno Selangor sendiri berkata cara pemilihan itu dibuat sebagai "luar biasa" kerana beliau bukan seorang Anggota Dewan Undangan Negeri dan satu pilihan raya kecil perlu diadakan.

Mereka menyifatkan Abu Hassan, yang juga bekas Menteri Luar, sebagai seorang tokoh yang bersih ini dan berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran, politik dan hubungan luar negara.

Ketua Pembangkang Lim Kit Siang berkata pemilihan Abu Hassan merupakan sesuatu yang "betul-betul memeranjatkan" dan membuat semua spekulasi mengenai perkara itu meleset.

Di antara nama-nama yang dispekulasi oleh akhbar akan dilantik ke jawatan itu ialah Anggota Exco dan Adun Sunagi Ayer Tawar Datuk Zainal Dahalan dan Adun Kelana Jaya, Datuk Mokhtar Dahlan.

Muhammad, bekas Menteri Besar Selangor, ketika mengulas pemilihan Abu Hassan berkata beliau tidak terkejut dengan pemilihan itu kerana ia adalah selaras dengan kehendak pucuk pimpinan UMNO negeri yang mahukan seorang yang berpengalaman dan senior menerajui Kerajaan Negeri.

"Saya tidak terkejut dengan pemilihan Abu Hssan kerana dari awal lagi saya telah memberitahu Perdana Menteri, bahawa akan menerima siapa sahaja yang beliau pilih sebagai Menteri Besar baru," katanya ketika diminta mengulas pemilihan itu di kediaman rasmi Menteri Besar di sini.

Muhammad berkata beliau akan membantunya untuk membangunkan negeri Selangor dengan lebih pesat lagi.

"Saya sendiri akan memeberi sebarang bantuan supaya Negeri Selangor dapat maju dengan lebih pesat lagi," katanya.

Muhammad juga meminta semua anggota-anggota Exco dan Dewan Undangan Negeri dari UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya berkerjasama dengan Abu Hassan.

Ditanya sekiranya beliau akan membantu Abu Hassan dalam pilihanraya kecil nanti beliau berkata bahawa beliau akan tetap turun berkempen bagi menjamin kemenangan Abu Hassan.--BERNAMA

TM AU NMO